

D.R. 6/2000

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “pesawat udara” takrif yang berikut:

“pihak berkuasa tempatan” termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada atau dikenakan ke atas pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;’.

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk memasukkan takrif baru "pihak berkuasa tempatan" untuk memberi Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling kuasa untuk mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 45 atau 49 Akta 127 kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada atau dikenakan ke atas pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2164]